

DATUK Panglima Bukit Gantang Wahab bergambar dengan Sultan Iskandar dan pembesar-pembesar Negeri Perak pada tahun 1946.



DATUK Panglima Bukit Gantang Wahab di Melaka pada tahun 1956.

UM - 11/05/66

# Semangat Umno kental di Perak

Oleh HATA WAHARI

**PADA** 1 April 1946 Gagasan Malayan Union telah ditubuhkan, namun rancangan penjajah Inggeris itu mendapat tentangan hebat daripada orang-orang Melayu. Ini kerana Gagasan Malayan Union telah menukar taraf negeri-negeri Melayu daripada negeri-negeri yang bernaung menjadi tanah jajahan British.

Sebagai tanah jajahan, Britain akan berkuasa penuh ke atas seluruh Tanah Melayu dan melain gagasan itu juga Britain telah menghapuskan kedaulatan Sultan-Sultan Melayu menerusi Triti MacMicheal dan kesannya ialah kedaulatan sultan-sultan Melayu diserahkan hampir sepenuhnya kepada Britain.

Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak telah

menandatangani Triti MacMicheal itu pada 22 Oktober 1945.

Rancangan Malayan Union telah menimbulkan kemarahan orang-orang Melayu dan wujud penentangan yang hebat sehingga memaksa Inggeris menarik balik rancangan Malayan Union dan diganti dengan Perjanjian Persetujuan Tanah Melayu pada 1 Februari 1948.

Ini adalah hasil perpaduan orang-orang Melayu dalam UMNO dan kegigihan mereka menentang Malayan Union.

Sebelum parti UMNO ditubuhkan di Perak dalam tahun 1948, terdapat beberapa parti berunsurkan politik yang bergerak di negeri ini.

Di antaranya ialah Perikatan Melayu Perak, Persatuan Melayu Perak dan Parti Kebangsaan Melayu Malaya.

Ketiga-tiga parti ini turut terlibat dalam Kongres Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur pada bulan Mac.

Bermula daripada kongres inilah, maka Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu atau UMNO dibentuk iaitu pada tanggal 11 Mei 1946 dan seterusnya Persidangan Majlis Agung UMNO ke dua di Ipoh pada 29 dan 30 Jun 1946, di mana ia telah dirasmikan oleh Sultan Perak, Sultan Abdul Aziz.

Di antara keputusan persidangan itu ialah penetapan bendera UMNO dan pelantikan Datuk Haji Abdul Wahab Toh Muda Aziz sebagai Setiausaha Agung sementara.

Cawangan UMNO Perak telah ditubuhkan secara rasminya pada 22 Februari 1948, serentak dengan pembubaran Perikatan Melayu Perak.

Ahli-ahli daripada perikatan ini telah memegang jawatan-jawatan sulung dalam pentadbiran UMNO Cawangan Perak tersebut dengan Ibu Pejabat UMNO Cawangan Perak pertama terletak di Madrasah Paloh, Ipoh.

Pada 1 Februari 1948 Datuk Haji Abdul Wahab dilantik sebagai Menteri Besar Perak yang pertama.


Dalam tahun 1949, UMNO Perak telah dipecahkan kepada bahagian Kuala Kangsar, Sungai Manik dan Labu Kubong.

Dalam tahun 1950, satu lagi bahagian telah ditubuhkan iaitu bahagian Ulu Perak.

Bahagian-bahagian UMNO di Perak kemudiannya dipecahkan kepada sembilan bahagian mengikut jumlah jajahan dalam negeri Perak.



KONTIGENSI dari Tapah dalam perhimpunan tunjuk perasaan menentang Malayan Union.



DATUK Panglima Bukit Gantang Wahab (tengah) dipilih menjadi ketua perwakilan Majlis Raja-raja Melayu di London.